



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM 100-1/3/2 Jld 8(44)
Tarikh : 19 Februari 2024

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 3
TAHUN 2024**

**PELAKSANAAN PLATFORM SISTEM PENGURUSAN PEMBELAJARAN
PENINGKATAN KOMPETENSI DIGITAL PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ***

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Platform Sistem Pengurusan Pembelajaran (SiPP) Peningkatan Kompetensi Digital Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa komited memastikan semua PPP kekal berkualiti sepanjang tempoh perkhidmatan selaras dengan Anjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 iaitu Mentransformasikan Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan. Salah satu pendekatan yang diambil oleh KPM ialah Strategi Pendigitalan Pendidikan dengan hasrat melengkapkan pendidik dengan pengetahuan digital menepati hasrat kerajaan dan menyokong inisiatif dalam Teras 4 MyDIGITAL, iaitu Membangunkan Bakat Digital yang Tangkas dan Kompeten. Tumpuan diberikan kepada peningkatan kualiti pendidikan melalui latihan digital serta pengukuhan kerjasama antara penyedia latihan, sektor swasta dan badan profesional bagi melahirkan pendidik yang kompeten digital.

3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2023 bertarikh 26 Jun 2023 telah meluluskan kertas cadangan Langganan Sistem Pengurusan Pembelajaran bagi Memenuhi Keperluan Khusus Peningkatan Kompetensi Digital Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Sistem ini membolehkan PPP mengakses kandungan pembelajaran dan latihan peningkatan kompetensi digital kluster generik dan fungsian. Platform SiPP tersebut mengandungi dua modul utama iaitu, Modul Pemimpin serta Modul Pengajaran dan Pembelajaran dengan tiga tahap penguasaan iaitu Asas, Pertengahan dan Lanjutan.

4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2024 bertarikh 18 Januari 2024 telah meluluskan pelaksanaan Platform Sistem Pengurusan Pembelajaran Peningkatan Kompetensi Digital Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Platform SiPP ini boleh diakses melalui Modul Individu Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPLKPM) bermula Februari 2024 sehingga Februari 2026 mengikut fasa.

6. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.


7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia